

## TRANSKRIP TEMU BUAL GURU 3

**Hani, Verbatim Temubual Guru 3, SMK B, (28.06.2013), (4:02)**

1     **H, TB, G3, SMK B, (28062013), (4:02)**

2     **Pengkaji**

3     Assalamualaikum cikgu. Apakah yang cikgu faham tentang Pendidikan  
4     Alam Sekitar?

5     **Guru**

6     Waalaikumsalam. Em.. Pendidikan Alam Sekitar bermaksud, aa.. usaha untuk mengajar  
7     dan meningkatkan kefahaman, kesedaran khususnya kepada pelajar sekolah berkenaan  
8     dengan alam sekitar.

9     **Pengkaji**

10    Apakah pula Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum?

11    **Guru**

12    Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum.. Em..aa.. bermaksud  
13    pengajaran dan pembelajaran yang **menggabungjalinkan**, aa... topik-topik berkenaan  
14    alam sekitar khususnya dalam matapelajaran seperti sains, bahasa Inggeris, pendidikan  
15    seni dan lain-lain lagi.

16    **Pengkaji**

17    Bilakah pendidikan alam sekitar diterapkan di sekolah?

18    **Guru**

19    Aa.. yang pertama sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Yang  
20    kedua, sewaktu aa.... menjalankan aktiviti ko-kurikulum, iaitu unit beruniform,  
21    persatuan dan kelab.

22    **Pengkaji**

23    Dalam Pengajaran dan pembelajaran (PdP) cikgu tadi, terangkan kaedah yang cikgu  
24    gunakan untuk menerapkan tentang Pendidikan Alam Sekitar?

25    **Guru**

26    Ok. Sebentar tadi, aa.. kaedah pertama yang saya guna ialah, aa.. pelajar diberikan  
27    masa untuk menonton tayangan video yang mana mengandungi lagu dan juga drama  
28    bentuk kartun. Yang kedua, aa... saya mengadakan, aa... **kaedah perbincangan** yang  
29    mana pelajar membincangkan apa yang mereka lihat dalam tayangan sebentar tadi.  
30    Yang ketiga, aa.. **kaedah latih tubi dan penyelesaian masalah.**

31    **Pengkaji**

32    Selain dari kaedah yang cikgu sampaikan tadi, apakah kaedah-kaedah lain yang biasa  
33    cikgu gunakan untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar semasa PdP dalam kelas?

34    **Guru**

35    Yang pertama, kaedah biasa yang saya guna ialah aa.. **aktiviti berkumpulan** yang  
36    mana pelajar dibahagikan ikut kumpulan dan diberikan tajuk projek yang berkenaan  
37    dengan alam sekitar, pelajar akan diminta untuk mengumpulkan maklumat dan  
38    **membuat pembentangan**. Yang kedua, melalui kaedah **kuiz**.

39    **Pengkaji**

40    Bagaimanakah pula cikgu menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam aktiviti ko-  
41    kurikulum di sekolah?

- 47      **Guru**  
48      Ok... aa.. Aktiviti ko-kurikulum yang pertama dalam **unit beruniform** biasanya kami  
49      akan membuat kempen, **kempen alam sekitar** dan **ceramah**. Yang kedua melalui  
50      pertandingan pertandingan melalui persatuan dan kelab contohnya pertandingan kitar  
51      semula.
- 52      **Pengkaji**  
53      Apakah nilai-nilai murni yang cikgu sampaikan semasa menerapkan Pendidikan Alam  
54      Sekitar?
- 55      **Guru**  
56      Nilai murni yang saya terapkan di sini ialah mensyukuri nikmat Tuhan, yang  
57      kedua pelajar dididik untuk menghargai dan mencintai alam sekitar. Yang ketiga, rasa  
58      tanggungjawab.
- 59      **Pengkaji**  
60      Apakah masalah-masalah yang cikgu hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam  
61      Sekitar?
- 62      **Guru**  
63      Yang pertama adalah sikap ambil mudah pelajar. Kebanyakan pelajar, mengambil  
64      mudah tajuk alam sekitar. Yang kedua ialah, aa... saya terikat dengan silibus-silibus  
65      lain yang lebih penting.